

## Pembaharuan Harga: Dorongan, Kesan dan Langkah-langkah Sokongan

### Pengenalan

Di Malaysia dan beberapa ekonomi membangun lain, subsidi dan kawalan harga merupakan ciri penting instrumen dasar. Walau bagaimanapun, apabila ekonomi-ekonomi ini menjadi lebih maju, kos untuk mengekalkan dasar tersebut semakin mengatasi manfaatnya. Disebabkan itu, banyak ekonomi membangun telah memulakan rasionalisasi subsidi dan pembaharuan harga. Rencana ini memberikan latar belakang mengenai kawalan harga dan subsidi, kepentingan pembaharuan harga, dan kesan daripada pembaharuan tersebut. Rencana ini turut membincangkan pelbagai langkah sokongan yang bakal dilaksanakan bagi memastikan pembaharuan harga akan membawa kepada pertumbuhan yang lebih mampan dan inklusif untuk ekonomi Malaysia.

### Latar Belakang

Salah satu matlamat utama dasar ekonomi ialah memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif. Peruntukan sumber yang cekap amat penting bagi membolehkan sesebuah ekonomi yang berdaya saing berfungsi dengan lancar, dan ini seringkali dicapai melalui isyarat harga<sup>1</sup>. Walau bagaimanapun, pasaran secara bersendirian tidak akan menjamin pertumbuhan yang inklusif, apabila manfaat pertumbuhan dan perkembangan ekonomi dapat dinikmati secara meluas oleh segenap lapisan masyarakat. Kegagalan atau ketidakcekan pasaran juga boleh terjadi apabila mekanisme harga gagal mengambil kira kos dan manfaat sosial daripada pengeluaran dan penggunaan sesetengah jenis barangan<sup>2</sup>, terutamanya barangan awam seperti pertahanan, pendidikan dan penjagaan kesihatan. Oleh itu, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan, seperti peruntukan subsidi dan kawalan harga<sup>3</sup>, mungkin perlu dalam sesetengah kes bagi meningkatkan kesejahteraan dan memastikan keterangkuman.

Hujah yang biasa diketengahkan ialah subsidi dan kawalan harga menyebabkan herotan dalam peruntukan sumber dan mempunyai kesan buruk jangka panjang terhadap kecekapan ekonomi. Walau bagaimanapun, seperti mana-mana dasar ekonomi yang lain, kosnya harus dibandingkan dengan manfaat yang mungkin diraih. Apabila sebahagian besar daripada penduduk hidup dalam kemiskinan, terutamanya dalam ekonomi yang berada pada peringkat awal pembangunan, langkah-langkah yang menyeluruh oleh kerajaan seperti kawalan harga dan subsidi akan memastikan harga barangan keperluan utama kekal stabil dan mampu milik untuk kumpulan yang disasarkan<sup>4</sup>. Di samping itu, apabila kebanyakan industri berada pada peringkat permulaan, subsidi dan kawalan harga memberikan sokongan awal yang diperlukan untuk industri ini bersaing, kekal berdaya maju dan berkembang menjadi industri yang mantap. Oleh itu, meskipun wujud herotan pada harga dan peruntukan sumber, dasar-dasar ini dapat mempertingkatkan kemampanan dan keterangkuman pertumbuhan ekonomi dalam jangka panjang.

Apabila ekonomi kian berkembang maju, kos subsidi dan kawalan harga akan beransur-ansur mengatasi manfaatnya<sup>5</sup>. Dengan pendapatan yang semakin meningkat, lebih banyak isi rumah

<sup>1</sup> Dalam sesebuah ekonomi pasaran, sumber yang terhad akan dikenakan harga yang lebih tinggi berbanding dengan sumber yang banyak. Akibatnya, pengeluar dan pengguna akan menggunakan sumber yang terhad untuk tujuan yang bernilai lebih tinggi sahaja, bagi memastikan peruntukan yang cekap bagi sumber yang terhad ini.

<sup>2</sup> Contoh kegagalan pasaran yang sedemikian ialah pencemaran. Memandangkan kos sebenar pencemaran adalah meluas dan tidak terbatas kepada individu yang terlibat secara langsung sahaja, pencemaran yang berlebihan mungkin berlaku tanpa campur tangan kerajaan.

<sup>3</sup> Dalam rencana ini, subsidi ditakrifkan secara umum sebagai apa-apa tindakan kerajaan yang mengurangkan kos pengeluaran atau harga penggunaan, manakala kawalan harga merujuk kepada apa-apa peraturan kerajaan yang menetapkan harga maksimum atau minimum untuk barangan dan perkhidmatan tertentu.

<sup>4</sup> Meskipun subsidi yang bersasar kepada kumpulan tertentu sememangnya elok dari segi ekonomi dan sosial, kos yang tinggi dan tugas yang kompleks bagi mengenal pasti penerima dan mengagihkan manfaat dapat dijadikan justifikasi bagi campur tangan permulaan yang meluas (subsidi pukal) dalam ekonomi pada peringkat awal pembangunan.

<sup>5</sup> Terdapat beberapa pengecualian. Subsidi dan/atau penglibatan kerajaan dalam bidang yang terdapat kegagalan pasaran diterima umum sebagai tindakan yang wajar. Sebagai contoh, langkah-langkah kerajaan bagi memastikan pendidikan dan penjagaan kesihatan disediakan dengan mencukupi biasanya dianggap perlu, demi meraih manfaatnya yang menyeluruh. Kes yang serupa dapat diterima pakai untuk barang awam seperti pertahanan dan infrastruktur.


akan beralih daripada kumpulan berpendapatan rendah kepada kumpulan berpendapatan sederhana atau tinggi. Oleh itu, subsidi pukal (menyeluruh) atau kawalan harga akan tertakluk kepada ketirisan, memandangkan golongan yang tidak mudah terjejas akan terus menerima bantuan. Harga yang lebih rendah daripada yang sebenar turut menggalakkan pembaziran dan penggunaan yang berlebihan, dengan itu menyebabkan herotan dalam peruntukan sumber. Yang penting, apabila industri beralih ke peringkat yang lebih matang, herotan harga boleh merencatkan insentif untuk meningkatkan produktiviti, melakukan inovasi dan mencapai tahap kecanggihan produk yang lebih tinggi, menerima pakai keamatan teknologi yang lebih tinggi serta beralih kepada aktiviti bernilai tambah lebih tinggi. Oleh yang demikian, subsidi dan kawalan harga boleh menjadi halangan kepada pembangunan ekonomi. Oleh itu, apabila ekonomi berkembang, bentuk dan rasional bagi subsidi dan kawalan harga biasanya perlu berubah ke arah bantuan yang lebih bersasar dan mempunyai had masa, dan kurang menggunakan subsidi pukal.

**Subsidi dan Kawalan Harga: Keperluan untuk Pembaharuan**

Subsidi dan kawalan harga sejak dulu merupakan ciri ekonomi di Malaysia. Pada tahun 2009, subsidi dan kawalan harga wujud dalam pelbagai produk, termasuk petrol, gas asli, elektrik, minyak masak, gula, bayaran tol dan tambang bas yang mencakupi kira-kira satu perlima daripada kumpulan Indeks Harga Pengguna (IHP). Pada peringkat awal pembangunan, dasar ini membantu memberikan sedikit kestabilan pada harga barangan dalam negeri dan menyokong perkembangan industri muda. Walau bagaimanapun, apabila Malaysia sedang beralih kepada ekonomi berpendapatan tinggi<sup>6</sup>, kos ekonomi bagi subsidi dan kawalan harga jauh melebihi manfaat yang diperoleh daripada langkah-langkah tersebut disebabkan oleh beberapa faktor.

**Rajah 1**

**Bahagian daripada Subsidi Bahan Api yang Diterima oleh Setiap Kumpulan Pendapatan**



Sumber: Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2009/10 dan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2009 dan 2012, Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pertama, kebanyakan subsidi di Malaysia bersifat pukal, dan kerana itu menjadi lebih regresif apabila ekonomi berkembang. Dalam ekonomi berpendapatan sederhana atau tinggi, manfaat kebanyakan subsidi pukal akan lebih tertumpu pada golongan yang lebih kaya, terutamanya jika golongan ini menggunakan barangan bersubsidi dalam kuantiti yang lebih banyak. Sebagai contoh, dalam kes subsidi bahan api di Malaysia, manfaatnya dinikmati secara tidak seimbang oleh isi rumah berpendapatan tinggi, yang menggunakan jumlah bahan api yang lebih banyak memandangkan mereka lebih cenderung memiliki beberapa kenderaan dengan kapasiti enjin yang lebih besar. Isi rumah dalam kelompok 20% termiskin di Malaysia dianggarkan menerima hanya 4% daripada

<sup>6</sup> Ekonomi membangun lain yang telah melaksanakan pembaharuan harga dan subsidi, terutamanya dalam kes bahan api dan/atau elektrik, termasuklah Chile, Brazil, Filipina, Turki, India dan Indonesia.

subsidi bahan api, manakala isi rumah dalam kelompok 20% terkaya menerima 42% daripada subsidi tersebut (Rajah 1). Oleh itu, subsidi pukal merupakan alat yang kurang berkesan untuk memastikan manfaat harga bahan api yang rendah dapat dinikmati secara meluas dan inklusif<sup>7</sup>.

Kedua, subsidi dan kawalan harga menyebabkan herotan harga dengan menurunkan harga barang dan perkhidmatan utama dalam ekonomi di bawah harga sebenar. Keadaan ini boleh mengganggu keputusan tentang penggunaan dan pengeluaran melalui beberapa cara, dan seterusnya menyebabkan herotan peruntukan sumber dalam ekonomi. Antara herotan utama ialah penggunaan barangan bersubsidi atau barangan harga terkawal secara berlebihan oleh isi rumah dan juga syarikat. Sebagai contoh, penggunaan petrol per kapita di Malaysia telah meningkat sepanjang sedekad yang lalu dan penggunaan ini adalah lebih tinggi berbanding dengan penggunaan dalam ekonomi serantau yang lain (Jadual 1)<sup>8</sup>. Bersama-sama dengan trend penurunan dalam pengeluaran (Rajah 2), peningkatan penggunaan ini telah menjadikan Malaysia pengimport bersih produk petroleum mentah dan bertapis pada tahun 2014.

**Jadual 1**

**Penggunaan Petrol Per Kapita bagi Sektor Jalan (2000-2011)**


| Negara                | Purata 2000-2005     | Purata 2006-2011 |
|-----------------------|----------------------|------------------|
|                       | (kg minyak samatara) |                  |
| Amerika Syarikat      | 1,270                | 1,170            |
| Jepun                 | 347                  | 335              |
| <b>Malaysia</b>       | <b>279</b>           | <b>294</b>       |
| United Kingdom        | 340                  | 259              |
| Kawasan euro          | 254                  | 191              |
| Singapura             | 163                  | 173              |
| Korea                 | 151                  | 155              |
| Thailand              | 81                   | 74               |
| Indonesia             | 53                   | 71               |
| Republik Rakyat China | 31                   | 46               |
| Filipina              | 34                   | 29               |
| India                 | 7                    | 10               |

Sumber: World Development Indicators, World Bank

Dari perspektif struktur, subsidi dan kawalan harga juga boleh menyekat insentif untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan, sekali gus melambatkan pembangunan jangka panjang. Subsidi dan kawalan harga akan menyebabkan syarikat terlalu bergantung pada input yang murah, yang boleh mengakibatkan syarikat terperangkap dalam sektor berkos rendah yang berintensif tenaga. Hal ini akan mengurangkan insentif untuk meningkatkan produktiviti, menjalankan penyelidikan dan pembangunan (research and development, R&D) atau melakukan inovasi dan bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai, lantas menyekat daya saing syarikat ini pada peringkat antarabangsa. Oleh yang demikian, pembaharuan harga diperlukan bagi menangani kesan tersebut. Hal ini disokong oleh hasil kaji selidik Bank Negara Malaysia yang menunjukkan bahawa kebanyakan syarikat di Malaysia akan mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan produktiviti untuk mengurus kenaikan kos berikutan pelarasan menaik terhadap harga bahan api pada bulan September 2013 (Rajah 3).

**Rajah 2**

**Pengeluaran\* dan Penggunaan Minyak di Malaysia**




\*Merujuk pada minyak mentah dan pertambahan daripada aktiviti penapisan

Sumber: US Energy Information Administration dan PETRONAS

**Rajah 3**

**Hasil Kaji Selidik Mengenai Tindak Balas Firma Terhadap Kenaikan Harga Bahan Api Dalam Negeri**



Berdasarkan maklum balas 62 firma dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan

Sumber: Kaji Selidik Suku Tahunan S3 2013, Bank Negara Malaysia

<sup>7</sup> Keadaan ini lebih buruk jika mengambil kira kesan penyeludupan haram bahan api.

<sup>8</sup> Penggunaan produk petroleum secara keseluruhannya telah meningkat 3.0% secara purata setiap tahun sepanjang 10 tahun yang lepas.

Secara khusus, industri yang perlu mengekalkan harga rendah melalui kawalan harga akan menjadi tidak berdaya saing apabila kos meningkat dan seterusnya kurang berkecenderungan untuk menjalankan usaha meningkatkan kualiti. Dalam kes yang ekstrem, apabila harga ditetapkan pada paras yang lebih rendah daripada harga sebenar, pendapatan tidak akan mencukupi untuk menggalakkan firma menghasilkan output yang secukupnya bagi memenuhi permintaan. Keadaan ini boleh menyebabkan kekurangan bekalan dan boleh mewujudkan urus niaga pasaran gelap, seperti yang terjadi kepada industri simen dan keluli di Malaysia pada masa lalu (Thillainathan, 2009). Masalah ini seringkali dapat diselesaikan apabila industri tidak lagi di bawah peraturan kawalan harga, sekali gus menekankan perlunya pembaharuan sedemikian dilaksanakan. Sebagai contoh, selepas pembaharuan dibuat dalam industri elektrik di Chile pada tahun 1980-an dan 1990-an, industri tersebut mengalami peningkatan kecekapan dalam penjaan dan penghantaran, pelaburan yang lebih banyak, harga yang lebih kompetitif dan kualiti perkhidmatan yang lebih baik, terutamanya di kawasan luar bandar (Pollitt, 2004).

Di samping itu, usaha mengekalkan subsidi dan kawalan harga turut memberikan cabaran dari segi membuat keputusan dasar awam. Meskipun kos semakin meningkat, sering kali berlaku kesukaran dari segi politik untuk membuat pelarasan menaik terhadap harga. Akibatnya, harga produk terkawal selalunya dibiarkan tidak berubah untuk tempoh yang lama sehingga peningkatan kos yang ketara menyebabkan harga ini tidak dapat dikekalkan. Akhirnya keadaan ini boleh menyebabkan kenaikan harga yang besar, yang bukan sahaja mengakibatkan gangguan ekonomi bahkan juga tekanan sosioekonomi<sup>9</sup>.

Akhir sekali, subsidi dan dalam sesetengah kes, kawalan harga, turut menjadi beban kepada kerajaan. Usaha untuk mengekalkan harga sumber yang rendah dalam keadaan harga pasaran global yang meningkat dan penggunaan yang berlebihan oleh isi rumah dan syarikat akhirnya akan memberikan kesan terhadap kedudukan fiskal kerajaan. Bagi Malaysia, subsidi untuk petrol runcit sahaja mencakupi RM23.5 bilion<sup>10</sup> atau 2.4% daripada KDNK pada tahun 2013, lebih tinggi daripada subsidi di beberapa ekonomi serantau<sup>11</sup>. Jumlah ini belum lagi mengambil kira kos subsidi tersirat dari segi hasil yang dilepaskan oleh perusahaan awam dan Kerajaan di bawah kawalan harga, seperti pembekalan gas asli kepada syarikat penjana elektrik dengan harga di bawah harga pasaran bagi membolehkan tarif elektrik yang lebih rendah. Akhirnya, kesemua ini mengurangkan dana yang ada untuk dibelanjakan oleh Kerajaan bagi bidang pembangunan utama lain yang akan memberikan manfaat yang besar kepada negara dalam jangka panjang, seperti infrastruktur, kesihatan, pendidikan dan perlindungan sosial.

Oleh itu, pembaharuan harga berpotensi untuk memberikan manfaat kepada ekonomi Malaysia dalam jangka pendek dan jangka panjang. Bagi isi rumah dan juga syarikat, pembaharuan ini merupakan peralihan yang penting daripada sistem bantuan pukal yang regresif kepada sistem sokongan yang lebih berorientasikan sasaran. Dalam jangka sederhana hingga panjang, pembaharuan harga bukan sekadar mengurangkan pembaziran tetapi turut menggalakkan peningkatan produktiviti dan seterusnya meningkatkan kedudukan syarikat ke tahap yang lebih tinggi dalam rantaian nilai, sekali gus mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi dan berintensif pengetahuan. Pembaharuan ini membolehkan sumber ekonomi digunakan oleh Kerajaan untuk membiayai perbelanjaan awam yang kritikal bagi perlindungan sosial, pendidikan, penjagaan kesihatan dan infrastruktur. Kajian oleh IMF (2013) mendapati bahawa pembaharuan subsidi merangsang daya saing dalam jangka panjang dengan mendorong pelaburan swasta, menggalakkan perbelanjaan awam untuk peningkatan produktiviti dan memupuk penggunaan sumber yang terhad dengan cekap. Ringkasnya, pembaharuan harga merupakan aspek yang penting bagi strategi keseluruhan semasa peralihan kepada ekonomi berproduktiviti tinggi dan bernilai tambah tinggi, sekali gus menyokong pewujudan lebih banyak pekerjaan berpendapatan tinggi di Malaysia.

<sup>9</sup> Tekanan ini telah diperhatikan dalam tindak balas terhadap pelarasan harga yang sebenar atau yang cuba dilakukan di Indonesia pada tahun 2012, India pada tahun 2010 dan Jordan pada akhir tahun 1980-an dan awal tahun 2000-an (Forum Ekonomi Dunia (World Economic Forum), 2013).

<sup>10</sup> Berdasarkan ucapan Bajet 2015.

<sup>11</sup> Berdasarkan perangkaan International Energy Agency, jumlah subsidi bahan api pada tahun 2013, dinyatakan sebagai peratusan daripada KDNK, adalah sebanyak 0.2% di RR China, 0.9% di Thailand, 2.5% di India dan 3.3% di Indonesia.

### **Pembaharuan Harga: Pengaturan Masa dan Kesan**

Pembaharuan sememangnya telah diakui mempunyai peluang kejayaan yang lebih tinggi jika dijalankan secara beransur-ansur dan dalam persekitaran ekonomi yang berkembang dan stabil (IMF, 2013). Dalam keadaan sedemikian, isi rumah dan syarikat lebih bersedia untuk membuat penyesuaian terhadap harga dan kos yang lebih tinggi, serta mampu membuat perubahan yang diperlukan tanpa menyebabkan gangguan yang besar dalam aktiviti ekonomi. Menyedari akan hakikat ini, Kerajaan telah menarik balik kawalan harga secara beransur-ansur dan melakukan beberapa pelarasan harga sejak beberapa tahun kebelakangan ini<sup>12</sup>. Baru-baru ini, Kerajaan melaksanakan pelarasan harga tambahan dan memperkenalkan mekanisme penentuan harga apungan terurus bagi bahan api, berlatarbelakangkan prospek pertumbuhan ekonomi yang stabil. Oleh yang demikian, persekitaran harga minyak mentah global yang lebih rendah memberikan peluang yang sesuai kepada Kerajaan untuk menjalankan pembaharuan ini tanpa perlu menaikkan harga.

Walau bagaimanapun, pembaharuan harga diakui telah menyebabkan kenaikan kos kepada isi rumah dan syarikat. Cabaran untuk menangani kos ini akan berterusan, memandangkan pergerakan harga komoditi global mempunyai kesan yang lebih langsung terhadap keadaan kos dalam negeri. Meskipun tekanan harga luaran dijangka kekal lemah pada tahun 2015, tekanan menaik terhadap kos dalam negeri boleh meningkat sekiranya harga komoditi global menjadi lebih tinggi pada masa depan. Bagi isi rumah, jika tiada subsidi dan kawalan harga, kenaikan kos sara hidup akan memberikan kesan yang tidak seimbang terhadap kumpulan yang mudah terjejas seperti golongan berpendapatan rendah, isi rumah berpendapatan sederhana di bandar, golongan muda yang bekerja dan warga emas. Kumpulan ini, terutamanya yang mempunyai simpanan yang sedikit, mungkin menghadapi kesulitan dari segi kewangan. Syarikat, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana, juga perlu menangani kos yang tidak menentu dan mungkin berhadapan dengan kesukaran untuk memindahkan kos tambahan ini kepada pelanggan mereka bagi mengekalkan daya saing. Ketidakpastian yang lebih tinggi tentang kos dan harga pada masa depan juga boleh mempengaruhi keputusan pelaburan dan pengambilan pekerja oleh syarikat.

Oleh itu, teras dasar yang utama adalah untuk memastikan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh untuk mengurangkan kesan negatif akibat pembaharuan harga. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah jangka pendek yang bersasar, termasuk bantuan kewangan untuk menyokong isi rumah dan syarikat yang mudah terjejas dalam membuat penyesuaian. Yang penting, Kerajaan turut menggubal Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 untuk mengurangkan aktiviti pencatutan<sup>13</sup> oleh para peniaga dan syarikat. Pada masa ini, tumpuan adalah pada usaha memantapkan penguatkuasaan Akta untuk memantau dan mengambil tindakan terhadap pihak yang menyeleweng. Bagi mencapai matlamat ini, inisiatif turut dilaksanakan bagi memupuk kesedaran tentang hak pengguna dan harga barangan dengan membuat perbandingan harga melalui media dan alat dalam talian. Tindakan ini akan memastikan aktivisme pengguna dapat memainkan peranan yang lebih besar untuk membendung kenaikan harga yang berlebihan. Bank Negara Malaysia, melalui dasar moneterinya, terus berwaspada terhadap faktor-faktor yang mungkin menyumbang kepada tekanan inflasi yang berlebihan pada peringkat ekonomi yang menyeluruh.

Pembaharuan harga hendaklah disokong oleh langkah-langkah untuk membantu kumpulan yang mudah terjejas, bagi mencapai pertumbuhan yang mampan dan inklusif. Bagi tujuan ini, satu sistem perlindungan sosial yang komprehensif<sup>14</sup> yang meliputi bantuan sosial, insurans sosial dan program pembangunan modal insan sedang dirumuskan untuk menggantikan bantuan pukal yang regresif.

<sup>12</sup> Hal ini termasuk pelarasan terhadap harga bahan api, elektrik, gula dan barangan harga terkawal yang lain.

<sup>13</sup> Berdasarkan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, pencatutan merujuk pada tindakan membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah, selepas mempertimbangkan faktor seperti kos pengeluaran, keadaan penawaran dan permintaan serta apa-apa pengenaan cukai.

<sup>14</sup> Bantuan sosial merangkumi bantuan tunai, kupon makanan dan subsidi bersasar; insurans sosial merangkumi insurans untuk ketidakupayaan, pengangguran, kesihatan dan risiko lain; program modal insan merangkumi latihan dan peningkatan kemahiran serta pendidikan awam dan penjagaan kesihatan.

Sistem ini akan bersasar, mampan, dan yang paling penting akan membantu membina keupayaan penerimanya. Oleh yang demikian, sistem ini bukan sekadar memberikan sokongan jangka pendek kepada isi rumah yang mudah terjejas, malah sistem ini juga akan menyediakan peluang bagi menambah pendapatan isi rumah melalui peningkatan kemahiran dan keupayaan. Sistem sebegini merupakan ciri yang lazim dalam ekonomi maju. Bagi syarikat, insentif dan geran tertentu akan terus diberikan untuk menggalakkan peningkatan produktiviti dan inovasi. Bantuan seumpama ini akan membantu syarikat membuat penyesuaian terhadap kos yang lebih tinggi dan memudahkan mereka bergerak lebih tinggi dalam rantai nilai untuk menjadi usaha niaga yang lebih canggih, berintensif teknologi serta menguntungkan.

Selain itu, dalam persekitaran penyahkawalseliaan harga, peranan Kerajaan akan berubah, daripada peranan menetapkan harga dan memberikan subsidi, kepada peranan yang menetapkan peraturan untuk mendorong pasaran supaya dapat berfungsi dengan baik dan berdaya saing. Langkah-langkah seperti pengenalan Akta Persaingan 2010 dan penubuhan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Malaysian Competition Commission, MyCC) akan menggalakkan persaingan yang berkesan dan mencegah tingkah laku antipersaingan dalam kalangan syarikat. Peraturan dan penguatkuasaan yang mantap dapat melindungi pengguna dan membolehkan mereka meraih manfaat daripada barangan dan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan lebih pelbagai pada harga mampu milik. Usaha untuk menggalakkan persaingan adalah selaras dengan Inisiatif Pembaharuan Strategik (Strategic Reform Initiative, SRI) tentang Persaingan, Standard dan Liberalisasi<sup>15</sup>, yang telah mencatat kemajuan yang besar, sekali gus menyumbang kepada persekitaran perniagaan yang lebih baik di Malaysia.

Langkah-langkah ini apabila digabungkan akan meningkatkan keupayaan ekonomi membuat penyesuaian terhadap turun naik kos dan harga, lantas menjadikannya lebih berdaya tahan terhadap kejutan. Seperti semua dasar yang lain, faktor kejayaan yang utama ialah komunikasi yang jelas, pemantauan yang konsisten, pelaksanaan dan penguatkuasaan yang berkesan, serta penambahbaikan dasar yang berterusan.

### **Kesimpulan**

Pembaharuan harga merupakan komponen yang penting dalam matlamat Malaysia untuk mencapai pertumbuhan yang inklusif dan mampan ketika negara berkembang menjadi ekonomi berpendapatan tinggi. Bagi menyokong keterangkuman, subsidi pukal yang regresif dan kawalan harga akan digantikan dengan sistem perlindungan sosial yang lebih bersasar, yang dapat memberikan bantuan berterusan kepada isi rumah yang memerlukannya. Bagi mempertingkatkan kemapanan pertumbuhan, pembaharuan harga akan menggalakkan syarikat untuk meningkatkan produktiviti, melakukan inovasi dan bergerak lebih tinggi dalam rantai nilai, selain mengelakkan kebergantungan yang berlebihan kepada input bersubsidi yang murah. Pada masa yang sama, penjimatan yang dijana melalui pembaharuan ini membuka peluang kepada Kerajaan untuk membuat perbelanjaan yang lebih produktif ke atas infrastruktur, penjagaan kesihatan dan pendidikan. Oleh itu, Malaysia akan meraih manfaat daripada ekonomi yang lebih produktif dan inklusif, lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan berpendapatan tinggi dapat diwujudkan, akses yang lebih luas kepada barangan dan perkhidmatan yang lebih berkualiti, serta fleksibiliti yang lebih tinggi untuk mengurus kejutan harga. Oleh yang demikian, meskipun terdapat cabaran jangka pendek yang perlu ditangani, pembaharuan harga akhirnya akan menempatkan ekonomi pada landasan pertumbuhan yang lebih mampan dan inklusif.

<sup>15</sup> Berdasarkan Laporan Tahunan 2013 Program Transformasi Ekonomi.

**Rujukan**

International Monetary Fund (2013), 'Energy Subsidy Reform: Lessons and Implications'.

Pollitt, M. (2004), 'Electrical reform in Chile – Lessons for Developing Countries', *Journal of Network Industries*, 5, pp 221-263.

Thillainathan, R. (2009), 'A Critical Review of Price Controls and Subsidies', *Ekonomika, Malaysian Economic Association Bulletin* January-March 2009.

World Economic Forum (2013), 'Lessons Drawn from Reforms of Energy Subsidies'.

World Trade Organisation (2006), 'World Trade Report 2006: Subsidies, Trade and the WTO', pp 45-208.